

Bil. S 56

**AKTA PERJALANAN UDARA
(PENGGAJ 113)**

**PERATURAN-PERATURAN PERJALANAN UDARA
(KELAHIRAN, KEMATIAN DAN ORANG HILANG DI DALAM
PESAWAT TERBANG), 2001**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Penyata berhubung dengan kelahiran dan kematian oleh tuannya pesawat terbang.
4. Rekod-rekod hendaklah disimpan oleh Pengarah.
5. Penghantaran salinan-salinan catatan kepada Pendaftar Beranak dan Mati.
6. Pembetulan catatan kelahiran, kematian dan orang hilang.
7. Buku Daftar Udara.
8. Kesalahan.
9. Bayi yang lahir mati.

JADUAL PERTAMA	—	PENYATA BAGI MAKSUD MENDAFTARKAN KELAHIRAN
JADUAL KEDUA	—	PENYATA BAGI MAKSUD MENDAFTARKAN KEMATIAN
JADUAL KETIGA	—	REKOD KELAHIRAN
JADUAL KEEMPAT	—	REKOD KEMATIAN
JADUAL KELIMA	—	REKOD ORANG HILANG

**AKTA PERJALANAN UDARA
(PENGGAJAL 113)**

**PERATURAN-PERATURAN PERJALANAN UDARA
(KELAHIRAN, KEMATIAN DAN ORANG HILANG DI DALAM
PESAWAT TERBANG), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 3 dari Akta Perjalanan Udara, maka Menteri Perhubungan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perjalanan Udara (Kelahiran, Kematian dan Orang Hilang di dalam Pesawat Terbang), 2001.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"pesawat terbang" bermakna sesebuah pesawat terbang yang didaftarkan dalam daftar pesawat terbang Negara Brunei Darussalam yang diselenggarakan oleh Pengarah;

"Pengarah" bermakna Pengarah Penerbangan Awam;

"perjalanan", berhubung dengan pelancong, adalah dianggap telah bermula apabila dia memasuki sesebuah pesawat terbang bagi maksud perjalanan tersebut dan berterusan, sehingga dia turun dari pesawat terbang itu setelah perjalanan tersebut selesai, dengan tidak menghiraukan sebarang persinggahan pertengahan;

"orang hilang" bermakna seseorang yang berhubung dengannya terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dia telah mati akibat suatu kemalangan terhadap sesebuah pesawat terbang;

"orang yang memerintah" sesebuah pesawat terbang bermakna, dalam hal jika seseorang selain daripada juruterbang yang memerintah, orang itu, dan dalam sebarang hal lain, juruterbang;

"pelancong" termasuk ahli krew.

Penyata berhubung dengan kelahiran dan kematian oleh tuanpunya pesawat terbang.

3. (1) Tuanpunya sesebuah pesawat terbang hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh tetapi tidak lewat dari 14 hari setelah berlakunya kelahiran atau kematian di dalam pesawat terbang itu di mana-mana bahagian dunia, atau kematian pelancong di dalam pesawat terbang itu yang mati dalam perjalanan akibat dari suatu kemalangan di luar Negara Brunei Darussalam, menghantar kepada Pengarah suatu penyata tentang kelahiran atau kematian tersebut dalam borang, dan mengandungi butir-butir, yang ditetapkan dalam Jadual Pertama (dalam hal kelahiran) atau dalam Jadual Kedua (dalam hal kematian):

Dengan syarat bahawa jika tuanpunya pesawat terbang itu tidak mengetahui sebarang butiran tersebut dan tidak dapat dipastikan dengan mudah olehnya, dia hendaklah menghantar seberapa banyak dari butir-butir tersebut seperti yang telah dapat dipastikan olehnya.

(2) Orang yang memerintah sesebuah pesawat terbang hendaklah dengan serta-merta setelah berlakunya kelahiran atau kematian di dalam pesawat terbang itu di mana-mana bahagian dunia, atau kematian pelancong di dalam pesawat terbang itu yang mati dalam perjalanan akibat dari suatu kemalangan di luar Negara Brunei Darussalam, merekodkan dalam buku log perjalanan, atau dokumen lain yang bersesuaian berhubung dengan pesawat terbang tersebut, butir-butir yang disebut dalam peraturan kecil (1) berhubung dengan kelahiran atau kematian itu dan hendaklah menyediakan rekod tersebut kepada tuanpunya dengan seberapa segera yang boleh:

Dengan syarat bahawa jika orang yang memerintah pesawat terbang itu tidak mengetahui sebarang butiran tersebut dan tidak dapat dipastikan dengan mudah olehnya, dia hendaklah merekodkan dan menyediakan kepada tuanpunya seberapa banyak dari butir-butir tersebut seperti yang telah dapat dipastikan olehnya.

(3) Jika sesebuah pesawat terbang telah didemis atau disewakan oleh tuanpunya selama suatu tempoh yang melebihi dari 14 hari, dan tiada juruterbang, komander, pemandu arah atau ahli krew pengendalian pesawat terbang itu yang berkerja dengan tuanpunya, Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuatkuasa seolah-olah sebutan-sebutan kepada tuanpunya digantikan dengan sebutan-sebutan kepada orang yang didemis atau disewakan pesawat terbang tersebut.

Rekod-rekod hendaklah disimpan oleh Pengarah.

4. Pengarah hendaklah menyimpan —

(a) suatu rekod kelahiran yang berasingan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga di mana dia hendaklah merekodkan butir-butir yang dilaporkan kepadanya tentang sebarang kelahiran di dalam sesebuah pesawat terbang di mana-mana bahagian dunia;

(b) suatu rekod kematian yang berasingan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat di mana dia hendaklah merekodkan butir-butir yang dilaporkan kepadanya tentang sebarang kematian di dalam sesebuah pesawat terbang di mana-mana bahagian dunia, dan tentang kematian mana-mana pelancong di dalam sesebuah pesawat terbang yang mati dalam perjalanan di luar Negara Brunei Darussalam akibat dari suatu kemalangan terhadap sesebuah pesawat terbang; dan

(c) suatu rekod yang berasingan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kelima tentang mana-mana orang yang dilaporkan kepadanya sebagai orang hilang.

Penghantaran salinan-salinan catatan kepada Pendaftar Beranak dan Mati.

5. (1) Pengarah hendaklah dalam masa 7 hari dari tarikh suatu catatan diisikan dalam sebarang rekod yang disimpan di bawah Peraturan-Peraturan ini menghantar satu salinan catatan itu yang diperakui kepada Pendaftar Beranak dan Mati.

(2) Pendaftar Beranak dan Mati hendaklah memfailkan dan menyimpan dalam buku yang dipanggil Buku Daftar Udara mengenai Kelahiran dan Kematian yang akan disimpan olehnya bagi maksud itu sebarang salinan suatu catatan yang diperakui yang dihantar kepadanya di bawah peraturan kecil (1).

Pembetulan catatan kelahiran, kematian dan orang hilang.

6. (1) Jika Pengarah berpuas hati bahawa terdapat suatu kesilapan atau peninggalan dalam suatu catatan yang dibuat dalam rekod-rekod kelahiran, kematian atau kehilangan orang yang disimpan di bawah Peraturan-Peraturan ini, dia hendaklah, menurut keterangan fakta-fakta yang benar berhubung dengan catatan tersebut, membetulkannya mengikut cara sebagaimana yang mungkin dianggapnya bersesuaian.

(2) Dalam masa 7 hari setelah sebarang catatan atau peninggalan tersebut diperbetulkan, Pengarah hendaklah menghantar satu salinan yang diperakui tentang catatan yang diperbetulkan itu kepada Pendaftar Beranak dan Mati.

(3) Pendaftar Beranak dan Mati hendaklah memfailkan dan menyimpan dalam Buku Daftar Udara mengenai Kelahiran dan Kematian sebarang salinan yang diperakui tentang suatu catatan yang diperbetulkan yang dihantar kepadanya di bawah peraturan kecil (2).

Buku Daftar Udara.

7. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Penggai 79) hendaklah berkuat-kuasa seolah-olah Buku Daftar Udara mengenai Kelahiran dan Kematian adalah buku pendaftaran yang diberikan menurut cerai (1) bab 4 dari Akta tersebut.

Kesalahan.

8. (1) Mana-mana orang yang gagal mematuhi sebarang kehendak Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5000.

(2) Jika suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini yang dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau bersebab dari sebarang kecuai di pihak, pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa badan korporat tersebut, atau orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan itu, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan dan dihukum dengan sewajarnya.

Bayi yang lahir mati.

9. Tiada sebarang apa pun dalam Peraturan-Peraturan ini dikenakan kepada bayi yang lahir mati.

JADUAL PERTAMA

peraturan 3(1)

PENYATA BAGI MAKSUD MENDAFTARKAN KELAHIRAN

1. Tanda pendaftaran pesawat terbang	
2. Tarikh lahir	
3. Tempat lahir, sama ada sebenar atau lebih kurang	
4. Nama	
5. Jantina	
6. Nama, alamat, pekerjaan dan kerakyatan bapa	
7. Nama, alamat dan kerakyatan ibu	
8. Nama dan alamat pemberi maklumat	

JADUAL PERTAMA — (sambungan)

9. Tandatangan pemberi maklumat dan tarikh	
	
Tandatangan dan pangkat orang yang mengisikan penyata	
Tarikh	

JADUAL KEDUA

peraturan 3(1)

PENYATA BAGI MAKSUD MENDAFTARKAN KEMATIAN

1. Tanda pendaftaran pesawat terbang	
2. Tarikh mati	
3. Kedudukan sebenar atau lebih kurang pesawat terbang pada masa kematian	
4. Nama	
5. Jantina	
6. Umur	
7. Alamat, pekerjaan dan kerakyatan (jika diketahui)	
8. Sebab kematian (jika diketahui)	
9. Nama dan alamat pemberi maklumat	
10. Tandatangan pemberi maklumat dan tarikh	
	
Tandatangan dan pangkat orang yang mengisikan penyata	
Tarikh	

JADUAL KETIGA

peraturan 4(a)

REKOD KELAHIRAN

1. Nama anak (jika nama belum diberikan ibu bapa atau penjaga mestilah memberitahunya sebaik sahaja nama anak itu telah diberikan)
2. Jantina
3. Nama, alamat, pekerjaan dan kerakyatan bapa
4. Nama, alamat dan kerakyatan ibu
5. Tarikh lahir
6. Kedudukan sebenar atau lebih kurang pesawat terbang pada masa dilahirkan
7. Tanda pendaftaran pesawat terbang
8. Nama dan alamat pemberi maklumat
9. Tandatangan pemberi maklumat dan tarikh
-
- Tandatangan dan pangkat orang yang mengisikan rekod
- Tarikh

JADUAL KEEMPAT

peraturan 4(b)

REKOD KEMATIAN

1. Nama
2. Alamat, pekerjaan dan kerakyatan
3. Tarikh mati
4. Kedudukan sebenar atau lebih kurang pesawat terbang pada masa kematian
5. Jantina

JADUAL KEEMPAT – (sambungan)

6. Umur	
7. Sebab kematian	
8. Tanda pendaftaran pesawat terbang	
9. Nama dan alamat pemberi maklumat	
10. Tandatangan pemberi maklumat dan tarikh	
	
Tandatangan dan pangkat orang yang mengisikan rekod	
Tarikh	

JADUAL KELIMA

peraturan 4(c)

REKOD ORANG HILANG

1. Tanda pendaftaran pesawat terbang	
2. Tarikh kemalangan	
3. Tempat kemalangan, sama ada sebenar atau lebih kurang	
4. Nama orang hilang	
5. Alamat orang hilang	
6. Jantina orang hilang	
7. Umur orang hilang	
8. Pekerjaan, pangkat atau gelaran (jika ada) dan kerakyatan orang hilang	
9. Alasan dianggap mati	
10. Nama, perihalan dan alamat pemberi maklumat	

JADUAL KELIMA – (sambungan)

11. Tandatangan pemberi maklumat dan tarikh
-
- Tandatangan dan pangkat orang yang mengisikan
rekod
- Tarikh

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1422
bersamaan dengan 23 haribulan Julai, 2001.

PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ZAKARIA BIN DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.